

IMPLEMENTATION OF ISLAMIC PHILANTHROPIC CULTURE AMONG CHILDREN THROUGH ANIMATED STORIES: A STUDY ON UPIN AND IPIN ANIMATION

PENERAPAN BUDAYA FILANTROPI ISLAM DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MELALUI CERITA ANIMASI : SATU KAJIAN TERHADAP ANIMASI UPIN DAN IPIN

Suliah Mohd Arisⁱ, Hanifah Musa Fathullah Harunⁱⁱ Nur Hafizah Harunⁱⁱⁱ,
Fadhilah Adibah Ismail^{iv}, Noorul Huda Sahari^v

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. sulia384@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. hanifah0704@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. hafizahharun@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. fadhilah97@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. nooru088@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Philanthropy is a social welfare practice that is highly encouraged in Islam. This culture needs to be educated and nurtured since childhood. In line with the development of technology, digital education is more practical and efficient than conventional media in shaping their character. Animated stories are among the best educational media in fostering this culture because children are more attracted to audio-visuals than conventional static and monotonous media. This study focuses on analysing the culture of Islamic philanthropy found in Upin and Ipin animation. This study uses a qualitative method by taking the "Gerobok Rezeki" series as a sample. Primary data was obtained by watching videos on the internet and analyzed using content analysis methods through authoritative sources. The results of the study found that Upin and Ipin animations contain cultural elements of philanthropy that align with Islam and can be nurtured among children. The power of an interesting and relaxing narrative in a short duration is suitable for educational entertainment that is not boring.</i></p> <p>Keywords: Animation, Philanthropy, Culture, Children, Upin & Ipin.</p>
Abstrak	<p><i>Filantropi merupakan satu amalan berbentuk kebajikan sosial yang amat digalakkan dalam Islam. Budaya ini perlu dididik dan dipupuk sejak peringkat kanak-kanak. Sejajar dengan perkembangan teknologi, pendidikan digital lebih praktikal dan efisien daripada media konvensional dalam membentuk karakter mereka. Cerita animasi merupakan antara media pendidikan terbaik dalam memupuk budaya ini kerana kanak-kanak lebih tertarik kepada audio visual berbanding media konvensional yang statik dan dianggap membosankan. Fokus kajian ini ialah menganalisa budaya filantropi Islam yang terdapat dalam animasi Upin dan Ipin. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan mengambil siri "Gerobok Rezeki"</i></p>

	<p><i>sebagai satu sampel kajian. Data primer diperolehi menerusi tontonan video di internet dan dianalisis dengan menggunakan metod analisa kandungan melalui sumber berotoriti. Hasil kajian mendapati animasi Upin dan Ipin mengandungi elemen budaya filantropi yang sejajar dengan Islam dan mampu dipupuk dalam kalangan kanak-kanak. Kekuatan naratif yang menarik dan santai dalam durasi yang singkat sesuai sebagai didik hiburan yang tidak menjemukan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Animasi, Filantropi, Budaya, Kanak-kanak, Upin & Ipin.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Masalah kenaikan harga barang makanan dan kenaikan kos sara hidup masa kini memberi kesan kepada rakyat Malaysia khususnya golongan B40. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan bagi meringankan bebanan golongan terkesan, gerakan filantropi perlu dipergiatkan. Filantropi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sifat kedermawan sama ada berbentuk material mahupun non material. Ia memainkan peranan penting dalam ekonomi negara sebagai salah satu instrumen bagi membantu golongan yang memerlukan selain satu proses pendidikan yang dapat melahirkan generasi yang menghayati nilai kebersamaan melalui amalan tolong-menolong, kebajikan dan kesukarelawan (Mohd Khairul Nizam, 2020). Ia bukanlah satu amalan yang baru dalam Islam malahan berjalan serentak dengan amalan umat Islam bagi mencapai kesejahteraan ummah. Atas kepentingannya, sewajarnya ia menjadi satu budaya masyarakat Islam yang perlu dipupuk sejak dari kecil lagi. Memandangkan kanak-kanak masa kini lebih meminati pendidikan digital yang bersifat audio visual, justeru kajian ini mengkaji amalan filantropi menerusi medium animasi. Skop kajian ini menganalisa amalan filantropi yang terdapat dalam cerita animasi Upin dan Ipin siri “Gerobok Rezeki”.

Penyataan Masalah

Menurut laporan yang di keluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebanyak 78.3 peratus ibu bapa di Lembah Klang membenarkan kanak-kanak memiliki gajet pada 2019. Situasi ini dijangka meningkat apabila negara berhadapan pandemik Covid-19 apabila penggunaan dan akses digital menjadi tumpuan utama medium komunikasi dan pembelajaran (Muhamaad Razis Ismail, 2021). Menurut The Asian Parent (2020), penggunaan gajet tanpa pemantauan dan berlebihan boleh mengakibatkan kesan negatif kepada mental dan fizikal kanak-kanak seperti mengalami masalah menumpukan perhatian dan gangguan dalam pembelajaran. Selain itu, ketagihan terhadap gajet juga boleh mengakibatkan kanak-kanak kurang berinteraksi dengan ibu bapa, adik-beradik dan masyarakat sekeliling.

Menurut Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari (t.t), teori Pembelajaran Sosial Bandura menyatakan manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Secara umumnya, seseorang individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Dr Nellie Ismail iaitu Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) berpendapat bahawa, ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab dalam membentuk kognitif dan tingkahlaku anak-anak. Pendekatan yang sesuai dan menjadi suri teladan (*role model*) mampu memberi rangsangan positif kepada mereka untuk jangka panjang. Secara umumnya, kebanyakan kanak-kanak mempunyai sikap melihat dan meniru (Hafiz Ithnin, 2021).

Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff dan Maizatul Haizan Mahbob (2020) berpendapat, animasi adalah antara medium yang sesuai digunakan dalam memupuk minat, emosi dan perkembangan kanak-kanak yang memberi implikasi kepada tingkah laku dan adab. Walau bagaimana pun tidak semua animasi mencerminkan sesuatu gaya dan amalan yang boleh dicontohi, misalnya animasi Alvin and The Chipmunks. Animasi ini

mengandung babak kanak-kanak yang memanggil ayahnya dengan nama iaitu 'Dave' serta animasi Pickle and Peanuts memaparkan perkataan dan aksi lucu. Dalam animasi Maruko Can pula, watak Maruko memaparkan sikap anak yang suka memberontak dan memaksa ibubapanya. Tontonan tanpa kawalan dan pengawasan jelas boleh memberi implikasi negatif yang boleh menjadi ikutan kanak-kanak. Oleh demikian, kajian ini akan menganalisa amalan filantropi yang terdapat dalam cerita animasi Upin dan Ipin siri "Gerobok Rezeki". Kajian ini dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran umum kepentingan pengisian dalam sajian tontonan kanak-kanak yang perlu di kawal dan dipandu oleh ibubapa agar menghasilkan pendidikan yang menghiburkan dan mendidik jiwa.

KAJIAN LITERATUR

Budaya Filantropi dan Kepentingannya

Filantropi berasal dari bahasa Yunani terdiri dari *philos* yang bermaksud sayang atau cinta dan *anthropos* yang bermaksud manusia. Gabungan keduanya membawa maksud cinta atau sayang kepada manusia. Ini bermakna filantropi mempunyai elemen kebaikan, kasih sayang, belas kasihan, kemurahan hati dan cinta kepada manusia. Perasaan kasih sayang mendorong seseorang untuk menyumbangkan harta miliknya sama ada dalam bentuk wang ringgit, masa, tenaga dan sebagainya untuk membantu orang lain. Filantropi ini boleh disama ertikan dengan kedermawan dan orang yang terlibat dipanggil dermawan (Razali, 2017).

Secara ringkasnya kategori filantropi terbahagi kepada dua bentuk iaitu berbentuk material atau fizikal yang terdiri daripada tiga kategori. Pertama ialah sedekah umum iaitu pemberian daripada seseorang atau sekumpulan individu secara sukarela bagi tujuan yang ditentukan seperti membantu anak-anak yatim, ibu tunggal, pembinaan sekolah, pemberian biasiswa, masjid dan sebagainya. Kedua sedekah wajib atau zakat iaitu pemberian yang wajib diberikan oleh orang Islam yang mampu dan cukup syarat-syaratnya kepada lapan golongan yang berhak menerimanya. Manakala ketiga ialah sedekah berkekalan atau lebih dikenali dengan wakaf untuk membantu orang lain secara berpanjangan. Bentuk kedua pula ialah non material iaitu merangkumi apa sahaja amalan baik yang dilakukan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Amalan kebaikan ini termasuklah dalam bentuk ibadah mahupun dalam bentuk aktiviti yang secara zahirnya tidak nampak seperti bertaqarrub kepada Allah seperti sumbangan tenaga dan masa seperti tolong menolong dalam melakukan kebajikan (Razali, 2017).

Menurut Umi Hamidaton et al., (2020) amalan filantropi ini telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW apabila baginda membelanjakan 100 dirham emas untuk membeli sebidang tanah bagi membina masjid Quba untuk diwakafkan kepada seluruh umat Islam. Hasil sumbangan wakaf ini, telah memberi manfaat besar kepada jutaan manusia hingga ke hari ini. Pensyariatkan zakat sebagai salah satu rukun Islam sebenarnya turut disyariatkan kepada nabi dan rasul sebelum Nabi Muhammad SAW iaitu Nabi Ibrahim AS, Nabi Ismail AS, Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS. Menurut Umi Hamidaton et al., (2020) lagi, secara dasarnya filantropi Barat berbeza dengan Islam kerana ia lebih didorong dengan rasa kemanusiaan dan ketaqwaan yang tersimpul dengan satu prinsip mencari redha Allah SWT. Oleh demikian, setiap tindakan yang dilakukan akan menjurus kepada rasa tanggung jawab dan memelihara hubungan dengan Allah SWT (*hablu minallah*) dalam masa yang sama menjaga hubungan sesama manusia (*hablu minnas*) dan seluruh yang ada di dalam muka bumi. Amalan filantropi amat disarankan dalam Islam kerana peranannya yang sangat penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat. Menerusi elemen filantropi Islam yang merangkumi zakat, sedekah, wakaf, infak dan hibah menjadi mekanisme penting yang melahirkan keadilan sosial dan rasa kepedulian sesama manusia. Kesemua elemen filantropi yang dipraktikkan ini mempunyai peranan tersendiri untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat, mengurangkan kadar kemiskinan dan membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat (Umi Hamidaton et al., 2020).

Kajian yang dilakukan oleh Hajar et al., (2021) mendapati filantropi amat penting kepada dua dimensi iaitu pemberi dan penerima. Sebagai pemberi ia merupakan mediator dalam meningkatkan ketakwaan dan ubudiah kepada Allah SWT, menyemai belas kasihan yang tinggi, menghilangkan sifat individualistik dan materialistik manakala dari sudut penerima, bantuan yang diterima menjadi modal penggerak bagi aktiviti dan amal sekali gus menghindarkan bahaya kekufuran dan kefakiran serta penyakit hati seperti sifat iri hati. Konklusinya, filantropi Islam memupuk dua dimensi yang saling melengkapi iaitu dimensi individu (memberi) dan dimensi sosial (tanggung jawab sosial). Mohd Khairul Nizam (2020) menyatakan bahawa pemupukan budaya filantropi sangat penting diterapkan dalam kalangan generasi muda agar budaya kedermawanan dapat direalisasikan sepanjang hayat. Selain itu aspek pendidikan berkaitan konsep filantropi perlu diberikan penekanan kerana terdapat kajian mendapati bahawa masyarakat hari ini masih belum memahami dan mengetahui konsep serta peranan filantropi secara mendalam dan dinamik, sebaliknya mereka hanya menganggap ia sebagai bekalan selepas meninggal dunia dan tidak melihat ia sebagai suatu amalan yang relevan untuk kemudahan dan keperluan pada hari ini.

Animasi Sebagai Medium Pembentukan Karakter Kanak-kanak

Animasi ialah imej yang dimanipulasikan secara "*frame by frame*" dan apabila digerakkan secara pantas akan menghasilkan pergerakan ilusi. Ia merupakan lukisan sesuatu imej yang kemudian disusun secara teratur dan digerakkan secara pantas lalu menghasilkan pergerakan. Sejalan dengan perkembangan teknologi semasa, animasi turut mengalami evolusi ke arah lebih digital berbanding dahulu (Fadli & Md Sinin, 2010). Menurut kajian yang dilakukan oleh Fadli dan Md Sidin (2010), animasi pertama di Malaysia bermula pada tahun 1956 menerusi penciptaan logo filem negara iaitu logo seekor harimau. Kemudian ianya berkembang secara komersial dengan munculnya siri animasi pertama iaitu Usop Sontorian pada tahun 1985 dan Silat Lagenda sebagai filem animasi pertama di Malaysia pada tahun 1998. Selepas penerbitan siri animasi Usop Sontorian sektor animasi semakin berkembang dengan munculnya banyak siri televisyen, filem dan telefilem yang berkaitan animasi.

Menurut kajian Rezki (2009), secara semulajadi minda seorang kanak-kanak sangat mudah untuk dipengaruhi terutama menerusi rancangan yang ditonton menerusi televisyen atau saluran media lain, tidak kira jalan cerita atau isi kandungan, format dan gerakannya. Justeru apabila masa dihabiskan dengan tontonan tersebut kanak-kanak akan terikut dengan apa yang ditonton. Mereka akan memproses secara aktif apa yang mereka tonton dan memberikan reaksi terhadap paparan audio visual dan seterusnya mempelajari cara-cara berfikir dan bertingklaku melalui rancangan yang ditonton dari segi kandungan, karakter dan plot sesuatu cerita. Perkembangan yang memberangsangkan ini dapat memberi impak kepada pembentukan karakter kanak-kanak sebagai golongan yang amat meminati animasi.

Menurut Taylor et al. (2007), animasi mampu menyokong kefahaman pelajar secara afektif dan efektif jika ia digunakan secara konsisten berdasarkan teori pembelajaran multimedia. Kajian yang dilakukan oleh Ronaldi Saleh et al. (2011) pula membuktikan majoriti pelajar berpendapat bahawa grafik dan animasi adalah menarik dan memudahkan mereka memahami kandungan. Selain membantu memahami pembelajaran, animasi juga mampu mempengaruhi seseorang dalam pembentukan sikap dan tingklaku dari nilai moral yang ditonton (Nurmaliza et al., 2014).

Secara umumnya, Terdapat beberapa kajian yang mengkaji animasi Upin dan Ipin seperti kajian Muhammad Syahman et al. (2019) bertajuk "Wacana Identiti Melayu Dalam Animasi Upin & Ipin : Episod Dugaan dan Nikmat" yang mendapati bahawa ianya mempunyai identiti Melayu dan berpotensi dijadikan model dalam pembelajaran dan pengajaran dalam semua peringkat. Pengkaji yang sama turut mengkaji pada 2021 bertajuk "Strategi pemantapan Perpaduan Menerusi Animasi Upin & Ipin" mendapati animasi Upin dan Ipin yang ditayangkan memberi implikasi positif kepada penonton

dalam menerapkan elemen Rukun Negara. Kajian yang dilakukan oleh Lukman Arsyad et al. (2021) pula mendapati bahawa animasi Upin dan Ipin mempunyai nilai positif dalam membentuk karakter kanak-kanak. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Noor Aida dan Nasihah (2015) bertajuk "Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-kanak Upin dan Ipin" mendapati bahawa Upin dan Ipin boleh menjadi saluran untuk mendidik dan membantu secara halus penonton terutama kanak-kanak untuk mengisi keperluan mereka tentang kehidupan berkeluarga dan menghormati wanita. Watak wanita baik, optimis, matang dan positif yang dicerminkan dalam animasi boleh diteladani kanak-kanak. Dapat disimpulkan di sini bahawa animasi Upin dan Ipin mampu menjadi medium pembentukan karakter kanak-kanak menerusi nilai-nilai positif yang ditonjolkan. Namun tiada lagi kajian yang menganalisa nilai filantropi secara khusus dari cerita animasi ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah Perpustakaan dalam memperolehi maklumat dari buku-buku, akhbar dan artikel yang berkaitan. Kaedah Perpustakaan Elektronik (internet) juga digunakan dalam mencari bahan sampingan bagi mengukuhkan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan berfokus terhadap animasi Upin dan Ipin siri "Gerobok Rezeki" selari dengan tema kajian. Data primer diperolehi menerusi tontonan siri tersebut di saluran youtube di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=-T0wiTPBq7Q>. Pemerhatian dilakukan secara mengulang tonton sebanyak enam kali bagi mengenalpasti keseluruhan isi teks secara tematik yang selaras dengan budaya filantropi Islam. Data yang diperolehi kemudiannya dicatat dan direkodkan serta dianalisis. Analisis dibuat terhadap naratif siri tersebut dengan melihat plot, watak dan perwatakan bagi mengenalpasti elemen filantropi yang diterapkan dari segi bentuk, implikasi, kaedah penerapan, strategi dan cabaran filantropi yang terdapat dalam siri tersebut. Analisa kandungan dibuat dengan merujuk kepada bahan-bahan berotoriti bagi mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Animasi Upin dan Ipin

Upin dan Ipin merupakan siri animasi tayangan singkat yang dihasilkan oleh syarikat animasi Les' Copaque di Malaysia dan dinamakan sempena nama dua watak utama siri tersebut. Penerbitan awalnya disiarkan sempena bulan Ramadan pada tahun 2007 di saluran TV9 dan mendapat sambutan hangat daripada penonton malahan turut menerima anugerah pertama sebagai "Animasi Terbaik" di Festival Filem Antarabangsa Kuala Lumpur yang dianjurkan pada tahun yang sama (Muhammad Nawawi, t.t). Kini ia tidak terhad kepada rancangan televisyen sahaja, bahkan juga dalam bentuk cakera DVD dan video dalam talian melalui internet. Ia telah memberi pengaruh yang besar dalam membentuk kreativiti kanak-kanak dari aspek pengaruh fizikal dan kandungan animasi itu sendiri. Atas kejayaan menambat hati penonton serantau, Upin dan Ipin disenaraikan dalam Malaysia Book of Records sebagai "Animasi Paling Berjaya" pada tahun 2011.

Populariti Upin dan Ipin bukan hanya di Malaysia tetapi juga di Indonesia dan ditayangkan selama lima jam sehari menerusi stesen MNCTV sejak 2010. Ia menjadi siri animasi paling digemari dan memperoleh jumlah tontonan sangat tinggi. Ia juga telah mengekalkan kemenangan pada Anugerah Penyiaran Ramah Anak (APRA) 2021 menerusi kategori Program Animasi Asing yang berlangsung di Jakarta pada 27 November 2021. Menurut Pengarah Kandungan Kreatif Les' Copaque Production Sdn Bhd Nur Naquyah Burhanuddin, kemenangan dua kali berturut-turut menewaskan program animasi Korea Selatan dan Amerika Syarikat adalah pencapaian yang membuktikan Upin dan Ipin berjaya memartabatkan animasi tempatan ke peringkat antarabangsa (Harian Metro, 2021). Selain di Indonesia, siri animasi ini turut ditayangkan di Brunei, Singapura, Filipina, Thailand, Vietnam, Myanmar, Hong Kong dan Korea Selatan (Roslina et al., 2019).

Penerapan Budaya Filantropi Dalam Cerita Animasi Upin dan Ipin Siri “Gerobok Rezeki”

Siri “Gerobok Rezeki” merupakan siri baru yang ditayangkan pada 15 Februari 2022 musim lima belas yang dibahagikan kepada 5 episod dan secara keseluruhan berdurasi 16.18 minit. Ia menceritakan bagaimana seorang anak muda bernama Abang Iz mengusahakan projek Gerobok Rezeki bagi membantu golongan yang memerlukan mendapatkan barang makanan asasi secara percuma di kampungnya. Usaha Abang Iz tersebut mendapat bantuan dan sokongan dari pelbagai pihak seperti Tok Dalang, Apek dan Kak Ros serta watak utamanya Upin dan Ipin. Dipaparkan sikap Upin dan Ipin yang ringan tulang membantu projek tersebut tanpa perlu disuruh walaupun usianya masih di peringkat kanak-kanak. Plot cerita kemudiannya beralih kepada rasa empati terhadap kawannya bernama Fizi yang datang ke kedai untuk membeli tiga genggam beras. Upin dan Ipin seterusnya bertindak menjelaskan kepada Fizi tentang Gerobok Rezeki dan memberinya barang makanan dari gerobok tersebut. Rasa empati semakin bertambah apabila Fizi menjelaskan dia telah lama tidak menikmati bihun. Keadaan tersebut memberi kesan kepada Upin dan Ipin sehingga menceritakannya kepada Opah dan Kak Ros. Plot cerita kemudiannya beralih kepada peristiwa yang tidak diingini berlaku apabila barang makanan berterabur atas sikap tidak bertanggungjawab segelintir penduduk kampung. Di akhir cerita, suasana gembira dipaparkan dengan kejayaan projek tersebut yang memberi manfaat kepada ramai penduduk kampung sehingga mendapat liputan pihak media.

Melalui pemerhatian penulis, budaya filantropi yang dipupuk menerusi siri animasi ini dapat dilihat dari beberapa aspek seperti berikut:

1. Bentuk Filantropi

Terdapat dua bentuk filantropi dalam siri ini iaitu berbentuk material dan non-material. Bentuk material yang dipaparkan di awal siri ini adalah pemberian nasi lemak Opah kepada Tok Dalang (minit 0:35) yang merupakan kategori sedekah umum kepada jiran tetangga. Dalam Islam jiran merupakan orang yang tinggal samada di atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang yang mencapai 40 buah rumah tanpa mengira agama dan bangsa (Al-Ghazali, 2009). Selain menjaga hak kejiranan, Islam menganjurkan berbuat baik, saling menghormati dan bantu membantu sesama jiran tetangga. Anjuran berbuat baik kepada jiran ini dapat dilihat dalam Surah An-Nisa ayat 36 yang bermaksud: *“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan jangan kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahaya yang kamu miliki...”*

Sedekah umum dalam bentuk material yang utama dalam siri ini ialah bantuan makanan asasi seperti beras, gula, minyak, sardin, bihun, kicap, susu tin dan sebagainya yang diberikan secara percuma kepada yang memerlukan melalui projek Gerobok Rezeki yang dicetuskan oleh Abang Iz. Bantuan makanan sebegini bukanlah satu perkara yang baru. Menurut kajian disertasi yang dilakukan oleh Norzuraida (2012), bantuan makanan dalam bentuk skala besar yang dinamakan Bank Makanan telah dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Jepun, New Zealand dan United Kingdom bagi membantu golongan berkeperluan mendapatkan barang makanan dan mengatasi kebuluran. Di Malaysia, program bantuan makanan disalurkan melalui saluran formal dan tidak formal yang dikendalikan oleh pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ataupun secara individu dengan bermatlamatkan yang sama namun dilakukan dengan skala yang kecil. Dari sudut sejarah Islam, pemberian makanan secara percuma telah wujud sejak dahulu lagi. Dalam zaman kerajaan Uthmaniyyah, bantuan makanan disalurkan melalui Pusat Penyediaan Makanan (Public Kitchen) atau dikenali sebagai imaret kepada golongan miskin dan mereka yang memerlukan seperti pelawat dan pengembara.

Di Malaysia, banyak pihak telah mengusaha Gerobok Rezeki atau food bank antaranya di masjid, kawasan perumahan dan institusi pendidikan. Contohnya Masjid al-Shariff, Kampung Simpang 3, Gombak yang telah mengusahakannya sejak akhir 2016 dengan mendapat dana dari sumbangan orang perseorangan dan badan korporat (Berita Harian, 2018) Begitu juga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, kewujudan Gerobok Rezeki lebih empat tahun lalu membantu para pelajar B40 dan pelajar yang memerlukan di luar kampus dengan menyediakan makanan sedia dimakan dan bahan mentah untuk pelajar memasak sendiri (Berita Harian, 2022). Pemberian makanan dalam Islam merupakan satu amalan kebajikan sosial yang amat digalakkan sebagaimana hadith Rasulullah SAW dari Ibn Abbas yang bermaksud : *“Tidak termasuk dalam kalangan orang Mukmin yang kenyang sementara tetangganya kelaparan”* (Hadith. al-Tabrani. no 12579). Malahan ia merupakan antara bentuk ibadah sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud: *“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat tetapi kebajikan itu ialah kamu beriman kepada Allah SWT, hari akhirat, para malaikat, segala kitab dan sekalian Nabi, dan dia memberikan harta yang dikasihinya kepada kaum keluarga, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meinta-minta...”*

Sikap dermawan dalam membantu sesama manusia ini perlulah dipupuk sejak kanak-kanak lagi agar ia menjadi satu budaya masyarakat Islam khususnya di Malaysia bagi meringankan bebanan golongan yang terkesan dengan keadaan ekonomi negara masa ini. Laporan indeks harga barang pengguna Jabatan Perangkaan Malaysia pada April 2022 melaporkan bahawa 89.1 peratus barangan dalam kumpulan makanan dan minuman telah merekodkan berlakunya kenaikan harga (Kenyataan Media JPM, 2022)

Selain filantropi berbentuk material, dalam siri animasi ini dipaparkan juga pemupukan filantropi berbentuk non-material iaitu sumbangan tenaga dari beberapa watak seperti berikut:

Jadual 1 : Bentuk Filantropi non-material.

Watak	Bentuk Filantropi Non Material
Upin dan Ipin	<ul style="list-style-type: none"> - Membantu Tok Dalang membuat gerobok (minit 1.44-1.55) - Membantu Abang Iz menyusun makanan di gerobok (minit 3.05-4.10 dan 4.44-5.00) - Membantu Fizi mendapatkan barang makanan dari gerobok (minit 7.10-7.30) - Membantu Abang Iz mengemas makanan yang berterabur (minit 10.28-10.42) - Membantu nenek Zul mendapatkan barang makanan dari gerobok (minit 14.10-14.18)
Abang Iz	- Mencetuskan idea projek Gerobok Rezeki, mengeluarkan tenaga dan memberi barangan makanan secara percuma
Tok Dalang	- Membantu Abang Iz membuat gerobok (minit 1.04 dan 1.45-1.55)
Apek	- Membantu mengangkut gerobok ke kedai Abang Iz (minit 2.20-2.40)
Kak Ros	- Membantu mengemas makanan yang bersepah di kedai Abang Iz (minit 10.28-10.42)

Sumber: Penulis (2022)

Sikap suka membantu amat digalakkan sebagaimana dijelaskan dalam Surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud: *“...Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan...”* Sewajarnya umat Islam menjadikannya sebagai amalan seharian dan ianya perlu dipupuk sejak kecil lagi. Penonjolan sikap ringan tulang menerusi watak utama siri animasi ini iaitu Upin dan Ipin yang masih kanak-kanak mampu mendorong penonton khususnya dalam kalangan kanak-kanak meniru sikap tersebut untuk diamalkan. Perkara ini disokong dalam kajian

yang dilakukan oleh Rezki et al. (2009) yang mendapati bahawa kesemua responden 100% meminati animasi Upin dan Ipin dan 82% dari mereka menyatakan mereka meniru sikap watak yang mereka gemari. Kajian menunjukkan kanak-kanak pada umur 7-8 tahun cenderung untuk meniru perlakuan model yang dilihat secara tidak langsung menyokong teori sosial kognitif Albert Bandura yang menyarankan perkembangan pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan imitasi yang melibatkan proses perhatian, mengingat, melakon dan memurnikan dalam minda dan melakonkan semula.

2. Implikasi Amalan Filantropi

Menerusi siri animasi ini implikasi amalan filantropi dapat dilihat dalam tiga aspek. Pertama dapat membantu golongan yang memerlukan. Ini diperlihatkan bagaimana Fizi dan penduduk kampung termasuk nenek Zul mendapat barang makanan secara percuma dari projek tersebut. Kesusahan Fizi yang digambarkan dalam dialognya pada minit 6.40-6.47: "Aku nak beli tiga genggam beras, aku orang susah, mana ada duit nak beli beras besar tu." dan dialognya (minit 7.49) "dah lama tak makan bahun.." adalah antara situasi yang mewakili realiti masyarakat masa kini yang perlu dibantu. Kegembiraan mereka setelah menerima bantuan tersebut jelas terpancar dari mimik muka dan intonasi suara dalam cerita ini. Babak yang ditonjolkan ini mampu mendorong penonton khususnya kanak-kanak untuk membantu masyarakat di sekeliling mereka yang mengalami nasib sedemikian.

Kedua, melahirkan sifat empati dan belas kasihan terhadap kesusahan orang lain. Ini diperlihatkan dari reaksi Upin dan Ipin yang merasa sedih apabila Fizi menceritakan kesusahannya sehingga mereka menangis setelah Fizi pulang (minit ke 8.00). Selain dari raut wajah yang sedih, perasaan tersebut turut dijelaskan menerusi dialog apabila mereka mengiyakan kesedihannya bila ditanya oleh Abang Iz (minit ke 8.10). Perasaan empati ini seterusnya dizahirkan dengan menceritakan perkara tersebut kepada Opah dan Kak Ros apabila mereka pulang ke rumah dengan dialog mereka di minit 8.34-8.49:

Upin: "Kesiankan.."

Ipin : "Aah sedih tengok.

Opah : "Apa yang kesian, apa yang sedih?"

Upin : "Fizi tu, dia orang susah rupanya, nak beli sekampit beras pun takde duit..."

Perasaan ini sewajarnya perlu ada dalam kalangan masyarakat Islam kerana perumpamaan seorang yang beriman dengan seorang yang lain ibarat seperti satu jasad sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya yang bermaksud: "*Perumpamaan seorang Mukmin dalam berkasih sayang, perasaan belas kasihan dan rasa simpati mereka adalah seperti tubuh badan yang satu, apabila satu anggota mengadu sakit, maka seluruh badan turut merasai letih dan penat (tidak sihat).*" (Hadith. Muslim. No. 4685). Perasaan kasih dan sayang yang wujud terhadap orang lain adalah pencetus kepada tindakan untuk terlibat secara langsung dalam amalan filantropi sehingga sanggup menyumbangkan harta miliknya demi membantu orang lain (Umi Hamidaton, 2020).

Ketiga, melahirkan kebersamaan dan kesatuan. Menerusi siri ini diperlihatkan bagaimana kerjasama Upin dan Ipin, Tok Dalang, Apek, dan Kak Ros bersama-sama menjayakan projek Gerobok Rezeki. Watak Abang Iz yang tidak patah semangat walaupun berlaku persengketaan dan pergaduhan memperlihatkan sikap kebersamaannya yang tinggi sehingga mendorongnya untuk terus membantu kesusahan orang lain (minit 12.24-12.40). Turut diperlihatkan kegembiraan watak Upin dan Ipin apabila melihat ramai orang di balai raya kerana ia menunjukkan projek gerobok Abang Iz berjaya (minit 13.20). Perkara ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Umi Hamidaton (2020) bahawa amalan kedermawanan merupakan salah satu mekanisme yang mendorong kewujudan keadilan sosial dan rasa kepedulian sesama manusia sebagaimana yang dianjurkan dalam Surah al Kahfi ayat 30 untuk berbuat kebaikan (*al-birr*). Malahan amalan filantropi selari

dengan maqasid al-Syariah untuk menjaga kesejahteraan bersama yang membentuk satu jaminan keselamatan sosial kepada golongan yang memerlukan.

3. Kaedah Penerapan Budaya Filantropi

Terdapat beberapa kaedah penerapan budaya filantropi yang digunakan dalam siri animasi ini. Pertama kaedah komunikasi berkesan dengan menggunakan teknik soal jawab dan bahasa yang mudah. Ini dapat dilihat melalui dialog Abang Iz dengan Upin dan Ipin apabila ditanya barang makanan di gerobok tersebut untuk siapa pada minit 5.26-5.46:

Upin dan Ipin : “Barang-barang ini untuk siapa?”

Abang Iz : “Untuk orang kampung yang memerlukan...semuanya percuma

Upin dan Ipin : “Wah, percuma...?” (dengan mimik muka yang terkejut)

Abang Iz : “Sesiapa je boleh datang ambil”

Teknik ini amat digunakan dalam al-Quran sebagai usaha pembentukan karakter anak-anak seperti yang terdapat dalam Surah Luqman (Khairul Azhar, 2017). Komunikasi yang jelas dan mudah juga digunakan oleh Rasulullah SAW bagi membolehkan masyarakat memahami dan mendapat kefahaman yang baik. Teknik soal jawab adalah penting dalam pembelajaran kerana ia melibatkan interaksi dua hala dan boleh menajamkan akal. Ia juga digunakan dalam peristiwa malaikat Jibril bertanya kepada Rasulullah SAW tentang persoalan iman, Islam dan ihsan (Mohd Faizal, t.t)

Kaedah kedua yang dapat dilihat dari dialog yang sama tersebut ialah teknik penjelasan. Ia adalah penting agar sesuatu isi pengajaran atau mesej dapat difahami oleh kanak-kanak dengan mudah. Dalam pendidikan kepada kanak-kanak setiap perintah atau larangan perlu disertakan dengan hujah dan alasan yang munasabah bagi memudahkan kefahaman kanak-kanak (Khairul Azhar, 2017). Ini dapat dilihat bagaimana Abang Iz melarang Upin dan Ipin mengambil makanan di Gerobok Rezeki tersebut dan menjelaskan makanan tersebut untuk siapa pada minit ke 6.04-6.20 dengan dialognya:

Abang Iz : “Upin, Ipin barang-barang ni untuk orang yang hidupnya susah, serba kekurangan, takde duit, takde makanan...Upin dan Ipin faham kan..”

Begitu juga penjelasan Abang Iz ketika segelintir orang kampung yang berniat untuk menjual semula barang makanan yang diambil dari gerobok tersebut (minit 10.50-10.55).

Manakala kaedah ketiga yang digunakan ialah kaedah contoh teladan dari dialog Abang Iz apabila Upin dan Ipin tanpa rasa penat membantu (minit 16.05) :“Ya satu contoh yang baik dan harus diikuti semua...marilah menderma duit, tenaga untuk menjayakan projek ini..” Selain itu, kaedah ini juga dapat dilihat menerusi watak dan perwatakan orang yang lebih dewasa dari Upin dan Ipin untuk diteladani seperti watak Opah yang memberi Tok Dalang nasi lemak, Abang Iz sebagai pencetus idea Gerobok Rezeki serta watak Tok Dalang, Apek dan kak Ros yang membantu menjayakan projek tersebut. Kaedah turut disaran oleh Islam malahan pengutusan Rasulullah SAW adalah sebagai suri teladan yang baik kepada umatnya sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud : “*Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW ada teladan yang baik bagimu...*” Kaedah ini turut disarankan oleh Ibn Khaldun agar sesuatu tingkah laku yang baik menjadi ikutan kanak-kanak (Mohd Zahirwan, 2017).

4. Strategi Pelaksanaan Budaya Filantropi

Menerusi cerita animasi ini dapat dilihat strategi yang digunakan oleh Abang Iz dalam menjayakan projek Gerobok Rezeki yang dilakukan secara berperingkat. Awalnya satu gerobok sahaja dibina di kedainya dan kemudian berkembang dengan mendapat tajaan pelbagai pihak. Dapat dilihat bagaimana Abang Iz menjelaskan kepada Upin dan Ipin pada minit 13.44-13.59 tujuan diwarwarkan kepada orangramai tentang projek tersebut adalah untuk mendapatkan sumbangan filantropi sama ada dalam bentuk duit dan barangan

(material) serta tenaga anak muda (non material). Keperluan terhadap dana adalah penting bagi kejayaan projek tersebut agar lebih ramai mendapat manfaatnya. Diperlihatkan juga Abang Iz menggunakan medium media massa (minit 16.10-16.15) sebagai strategi dalam menyebarkan informasi mengenai projeknya kepada orang ramai. Penggunaan media massa masa kini amat membantu dalam memperluaskan amalan filantropi ini. Hal ini disokong menerusi kajian yang dilakukan oleh Norfatin (2021) bahawa tahap kesedaran masyarakat dipengaruhi dengan tahap keberkesanan media dalam memberi kefahaman mengenai filantropi.

5. Cabaran Budaya Filantropi

Dalam siri ini juga dipaparkan cabaran dalam pelaksanaan filantropi iaitu sifat segelintir penduduk kampung yang tidak bersyukur dengan mempertikaikan jenama barangan yang diberi (minit 10.28-10.42), perebutan sekampit beras (minit 11.13-11.45) dan sifat tamak dengan niat untuk mengaut keuntungan dari hasil jualan barangan makanan percuma dari Gerobok Rezeki tersebut (minit 10.47-10.55). Dalam hal ini Abang Iz telah menggunakan teknik menegur dengan menerangkan sebagaimana dialognya pada minit 10.50: "Roy ini untuk bantu orang yang memerlukan... bukan untuk niaga." Teknik ini bermaksud menegur kesalahan dan kesilapan yang berlaku dengan menerangkan peraturan dan perbuatan yang betul kepada mereka (Mohd Rashidi et al., 2014) Kaedah ini dapat dilihat bagaimana Rasulullah SAW menegur seorang Arab Badwi yang buang air kecil di masjid dengan menjelaskan peraturan yang wajar diikutinya dengan cara yang hikmah. Paparan perkara ini amat perlu kepada kanak-kanak agar mereka mengetahui mana yang betul dan mana yang salah.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Melalui analisis pemerhatian, siri ini mengandungi elemen filantropi yang sejajar dengan ajaran Islam. Dua elemen penerapan nilai filantropi telah difokuskan dalam animasi ini iaitu pendidikan rohani (bantuan tenaga) dan fizikal (bantuan makanan). Kedua-dua pendidikan ini, di sulam melalui penerapan komunikasi berkesan yang dapat mewujudkan perasaan simpati, empati, kasih-sayang, budi bahasa serta perasaan saling bekerjasama di antara pemberi dan penerima. Kekuatan siri ini sebagai medium penerapan budaya filantropi dapat dilihat dari sudut watak dan perwatakan yang ceria, naratif yang menarik dan penggunaan warna yang terang. Setiap watak yang ditonjolkan menjiwai watak masing-masing dengan dipaparkan perubahan mimik muka serta intonasi suara menjadikan cerita ini hidup dan berjaya menyampaikan mesej kepada penonton. Penggunaan muzik latar dan lagu serta selingan babak humor menarik minat kanak-kanak. Ini dapat dilihat bagaimana siri yang baru 3 bulan ditayangkan di youtube melalui saluran Les'Copaque Production mendapat tontonan umum (view) melebihi 1.2 juta penonton. Walaupun animasi ini dipertontonkan dalam bentuk hiburan santai, namun sebenarnya, mesej yang ingin disampaikan ialah penerapan karakter dermawan dalam kalangan kanak-kanak.

Dicadangkan agar pihak Les'Copaque Production dan pihak produser animasi yang lain mengeluarkan lebih banyak siri seumpamanya akan datang. Ini adalah kerana animasi mampu menjadi program didik hibur di mana selain menghibur ia dapat mendidik dalam meningkatkan pengetahuan terhadap sesuatu ilmu dan membentuk karakter yang positif. Pihak ibubapa juga disarankan agar memberi penegasan kepada kanak-kanak nilai-nilai yang telah dipelajari dari media tersebut.

RUJUKAN

Buku

Al-Ghazali. 2009. *Ihya' Ulumuddin*. Shah Alam : Penerbitan Ilusion Network Sdn. Bhd.
Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari. t.t. *Teori-Teori Tingkah Laku Berisiko*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Norzuraida Hasan. 2012. Potensi pelaksanaan Bank Makanan Di Malaysia Sebagai Satu bentuk Jaminan Sekuriti Makanan Bagi Golongan. Miskin. Disertasi Sarjana. Jabatan Syariah dan Ekonomi. Kuala Lumpur : Universiti Malaya

Jurnal

- Fadli Abdullah & Md Sidin Ahmad Ishak. 2010. *Pembangunan Sektor Animasi di Malaysia: Pendidikan dan Latihan Animasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pengajian Media Malaysia, Jilid 12 Malaysian Journal of Media Studies, Vol. 12 Vol. 12, No. 2, 69-82
- Hajar Opir, Mardhiyyah Sahri, Sharifah Fadylawati Syed Abdullah & Wan Yusnee Abdullah. 2021. *Aplikasi Filantropi Di Hidayah Centre Foundation Bagi Kelestarian Saudara Baru*. Kumpulan Artikel Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, 1-13
- Lukman Arsyad, Enni Akhmad & Alnons Habibie. 2021. *Membekali Anak Usia Dini Dengan pendidikan Karakter: Analisa Cerita Film Animasi Upin dan Ipin*. Jurnal Pendidikan Nilai dan pembangunan Karakter Vol. 5. No. 1, <https://doi.org/10.21776/ub.waskita.2021.005.02.5>
- Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz. 2020. *Kerangka Konseptual Gelagat Filantropi Muslim*. Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF). Vol. 2(1), eISSN: 2590-3942
- Muhamad Syahman Mahdi. 2021. *Strategi Pemantapan Perpaduan Menerusi Animasi Upin & Ipin*. GEOGRAFIA online Malaysia Journal of Society and Space 17 issue 2 (366-374) <http://journalarticle.ukm.my/17646/1/47415-156803-1-PB.pdf>
- Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob. 2020. *Impak Media Animasi Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Kanak-Kanak*. Jurnal Wacana Sarjana, Volume 4(4) September 2020: 1-11; e-ISSN 2600-9501
- Muhammad Syahman Mahdi. 2019. *Wacana Identiti Melayu Dalam Animasi Upin & Ipin : Episod Dugaan dan Nikmat*. Jurnal Melayu 164 Bil. 18 (2) 2019, 164-178 <http://journalarticle.ukm.my/14320/1/35362-110819-1-SM.pdf>
- Noor Aida Mahmor, Nasihah Hashim. 2015. *Citra Wanita melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-kanak Upin dan Ipin*. Journal of education and Social Sciences. Vol. 2. (Oct)
- Norfatin Syuhada Othman. 2021. *Peranan Instagram Dalam Membentuk Kesedaran Milenial Kepada Pembayaran Zakat Pendapatan*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Selangor : KUIS. Vol 2, no 8, 171-190.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. 2014. *Learning via television Cartoon*. Asian Social Science, Vol 10, No 15.
- Ronaldi Saleh Bin Umar . 2011. *Menggunakan Animasi di dalam Instruksi Khas untuk Kanak-kanak Disleksia*. Jurnal Teknologi Malaysia, Jld. 1, No.2.
- Roslina Mamat. 2019. *Perkembangan Komik dan Animasi: Satu Kajian Perbandingan antara Melayu dan Jepun*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 35(2), 260-276
- Taylor, M., Duffy, S., Hughes, G. 2007. *The Use of Animation in Higher Education Teaching to Support Students with Dyslexia*. Education and Training, 49(1), 25-35
- Udin Saripudin. 2016. *Filantropi Islam dan Perdayaan Ekonomi*. Jurnal Bisnis dan Manajemen Islam. Vol 4. No. 2.
- Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee. 2020. *Kefahaman dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Amalan Filantropi Islam semasa Pandemik COVID-19*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, issue 12, 1-15.

Internet

- Anak asyik main gajet di pautan <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/10/766370/anak-asyik-main-gajet> (diakses pada 20 Julai 2022).
- Gerobok Rezeki Bantu pelajar UiTM. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/973146/gerobok-rezeki-bantu-pelajar-uitm> (diakses pada 24 Julai 2022).

- Gerobok Rezeki Medium Peranan Kemasyarakatan Masjid Al-Sharif, Berita Harian. <https://api.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2018/06/435285/gerobok-rezeki-medium-peranan-kemasyarakatan-masjid-al> (diakses pada 25 Julai 2022).
- Kanak-kanak dan gajet. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/04/690851/kanak-kanak-dan-gajet> (diakses pada 24 Julai 2022).
- Kenyataan Media Indeks Harga Pengguna, Malaysia. 25 Mei 2022 https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/05.%20MEI/CPI%20APRIL%202022.pdf (diakses pada 20 Julai 2022)
- Pendekatan dan Kaedah pendidikan Islam Zaman Rasulullah SAW. https://www.academia.edu/32372461/pendekatan_pendidikan_Islam_zaman_nabi_pdf (diakses pada 25 Julai 2022).
- Upin & Ipin Tewaskan Animasi Korea Selatan, AS <https://www.hmetro.com.my/rap/2021/12/784454/upin-ipin-tewaskan-animasi-korea-selatan> (diakses pada 25 Julai 2022).
- Upin dan Ipin (DOC) Animasi Upin dan Ipin | Muhammad Nawawi - Academia.edu (diakses pada 20 Julai 2022).
- Upin dan Ipin siri "Gerobok Rezeki". <https://www.youtube.com/watch?v=-T0wiTPBq7Q> (diakses pada 20 Julai 2022).

Seminar dan Prosiding

- Mohd Rashidi Omar. 2014. *Metodologi Pengajaran dan pembelajaran Menurut Perspektif Islam: Kebitaran Pendekatan Rasulullah SAW Sebagai Pendidik*. Konvensyen Kebitaran Junjungan Mulia 2014 (INSAN 2014) Gerik. Perak 3 April 2014
- Razali Othman. 2017. *Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Filantropi dan Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Bursa Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) di Dewan Besar IKIM pada 7hb Ogos 2017 dimuat turun dari https://wazan.upm.edu.my/article/konsep_filantropi_dalam_sudut_pandang_islam-51237
- Rezki Perdani Sawai. 2009. *Penerapan Nilai-nilai Islam Melalui penggunaan Media Dalam Pendidikan*. Seminar Kebangsaan Media dan pemikiran Islam (MIST2009) pada 21-22 Julai 2009, di Hotel Equatorial Bangi (diakses pada 24 Julai 2022).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.